

**PERUBAHAN SYARAT TEMPOH PERKHIDMATAN MINIMUM YANG  
DITETAPKAN BAGI PERMOHONAN  
PROGRAM HADIAH LATIHAN PERSEKUTUAN (HLP)**

**ASAS SYARAT TEMPOH PERKHIDMATAN MINIMUM  
PEGAWAI TADBIR DAN DIPLOMATIK, GRED M48 KE ATAS BAGI  
PERMOHONAN PROGRAM IJAZAH KEDOKTORAN (PhD)**

Keputusan untuk menetapkan syarat tempoh perkhidmatan minimum PTD pada gred M48 bagi permohonan program Ijazah Kedoktoran berdasarkan justifikasi seperti yang berikut:

- i. **bilangan kekosongan PTD Gred M41/M44 yang mencecah hingga seramai 913 orang (16.2 peratus).** Dengan penawaran lebih ramai PTD Gred M41/44 untuk mengikuti program Ijazah Sarjana dan Ijazah Kedoktoran bakal menyebabkan pertambahan bilangan kekosongan PTD Gred M44/41 di jabatan selama **18 bulan hingga 48 bulan**. Kekosongan jawatan ini kelak menimbulkan implikasi negatif terhadap perancangan kerja organisasi dan rungutan Ketua Jabatan; dan
- ii. menetapkan PTD yang **memiliki pengalaman luas dalam bidang-bidang PTD** dan mampu **mengaplikasikan ilmu pengajian kedoktoran dalam skop kerja** yang dilaksanakan di jabatan dan bukan berasaskan teori semata-mata.

**ASAS PERUBAHAN SYARAT TEMPOH PERKHIDMATAN MINIMUM**  
**BAGI PERMOHONAN PROGRAM IJAZAH KEDOKTORAN (PhD)**

- iii. Namun demikian, JPA bersedia menerima permohonan dari PTD bagi permohonan HLP Ijazah Kedoktoran atas semangat PTD muda yang ingin menimba ilmu dalam aspek pembelajaran berterusan berdasarkan syarat telah berkhidmat 9 tahun ke atas.

Justeru itu, **perubahan syarat bagi PTD dalam permohonan program Ijazah Kedoktoran (PhD)** adalah seperti dalam jadual di bawah:

<b>Peringkat Pengajian Yang Dipohon</b>	<b>Tahun Perkhidmatan</b>
Ijazah Sarjana	8 tahun ke atas
Ijazah Kedoktoran	9 tahun ke atas

- iv. Jabatan ini sentiasa komited melaksanakan penambahbaikan dalam urusan penawaran HLP demi kebaikan Perkhidmatan Awam.